

03/09/1997

Program hujan tiruan atasi jerebu

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan memulakan program membuat hujan tiruan menggunakan pesawat ringan selama seminggu mulai Isnin ini, bagi mengatasi keadaan berjerebu di Lembah Klang.

Tugas membuat hujan tiruan itu, dianggap pertama kali bagi mengurangkan pencemaran udara, akan dilaksanakan Jabatan Kajicuaca setiap hari selama seminggu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata Jabatan Kaji Cuaca mendapat kerjasama sebuah syarikat swasta untuk membekalkan pesawat ringan khas bagi program berkenaan.

Tanpa memberikan butir-butir lanjut mengenai program terbabit, beliau berkata kerajaan akan mengawasi kejayaan program di Lembah Klang, sebelum melaksanakannya di negeri lain yang terjejas akibat jerebu.

Menurutnya, syarikat itu mempunyai pengalaman mencukupi selain memiliki peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan program terbabit. Difahamkan, Jabatan Kaji Cuaca akan menggunakan pesawat ringan Skyvan untuk tugas itu.

"Selaras arahan Perdana Menteri, Jabatan Kaji Cuaca akan memulakan proses membuat hujan tiruan di Lembah Klang mulai 8 September ini."

"Usaha itu diharap boleh mengurangkan partikel terampai di udara yang menyebabkan keadaan berjerebu sejak beberapa minggu lalu," katanya selepas menyampaikan Hadiah Kelab dan Kegiatan Astronomi Sekolah Terbaik 1997 di Planetarium Negara hari ini.

Bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan penggunaan teknologi 'cloud seeding' untuk membuat hujan, bagi mengatasi masalah kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan.

Jabatan Alam Sekitar hari ini melaporkan indeks kualiti udara di seluruh negara semalam menunjukkan kadar sederhana.

Law berkata, Jabatan Kaji Cuaca juga akan melaksanakan program membuat hujan di negeri lain yang terjejas jika keadaan menjadi buruk, atau bergantung kepada kos dan jumlah pesawat ringan yang ada.

(END)